

51

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]**

TARIKH : 22 MAC 2018

SOALAN :

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan dan syarat sebagai pengundi awal dan pengundi pos.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengundi awal di seluruh negara setakat 31 Disember 2017 adalah seramai 300,295 orang. Manakala jumlah bilangan pengundi pos masih belum dimuktamadkan kerana tempoh permohonan undi pos masih dibuka untuk dimohon oleh mereka yang layak.

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003, mana-mana pemilih layak untuk mengundi secara pos jika termasuk dalam salah satu daripada kategori-kategori seperti berikut:

- (i) pengundi tidak hadir di bawah Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 iaitu penjawat awam yang bertugas di luar Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta pasangan mereka dan pelajar sepenuh masa di luar Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta pasangan mereka yang tinggal bersama di luar negara;
- (ii) pengundi berdaftar di bawah peruntukan Peraturan 27A(1)(a) dan (c), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 iaitu anggota tentera dan

53

anggota polis tetap yang tidak dapat hadir mengundi pada hari mengundi awal;

- (iii) pegawai dan petugas pilihan raya yang bertugas pada hari mengundi awal atau hari mengundi;
- (iv) Ahli SPR yang dilantik di bawah Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan; atau
- (v) mana-mana pengundi berdaftar yang termasuk dalam kategori orang yang ditetapkan untuk mengundi secara pos melalui notis yang diwartakan oleh SPR.

Manakala berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 27A(1)(a) dan (c), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, mana-mana pemilih berdaftar dikehendaki mengundi awal jika termasuk dalam salah satu daripada kategori-kategori seperti berikut:

- (i) pengundi tidak hadir (PTH) di bawah peruntukan Peraturan 2(a) dan (b), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 iaitu anggota tentera, dan pasangan mereka yang telah memilih untuk mendaftar sebagai PTH;
- (ii) anggota Polis DiRaja Malaysia yang berkhidmat secara tetap; atau

- 52
- (iii) pasangan kepada anggota polis yang berkhidmat dalam Pasukan Gerakan Am.

Sekian, terima kasih.

35

SOALAN (27)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]

SOALAN :

YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah kolektif antara agensi Kerajaan dan swasta yang diambil Kementerian dalam membantu meningkatkan jumlah pemilik rumah mampu milik dalam negara dan adakah Kementerian berhasrat untuk menubuhkan pasukan petugas khas dianggotai wakil Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi pelaburan negeri, institusi kewangan dan pemaju perumahan bagi mencari formula lebih baik bagi membantu setiap rakyat dapat memiliki sekurang-kurangnya satu rumah dapat dicapai dalam masa terdekat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam menyelesaikan isu pemilikan rumah rakyat khususnya bagi golongan berpendapatan sederhana (M40) dan rendah (B40). Justeru, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam membantu meningkatkan pemilik rumah mampu milik dalam negara seperti berikut:

1) **MENINGKATKAN BEKALAN RUMAH DALAM PASARAN**

Mulai tahun 2013, Kerajaan telah mensasarkan **pembinaan 1 juta unit Rumah Mampu Milik (RMM) dalam tempoh 5 tahun** untuk memenuhi keperluan rakyat secara keseluruhan, terutama di kawasan bandar-bandar besar. Inisiatif ini adalah bertujuan bagi memberi peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah mampu milik yang berharga di bawah RM300,000.00 seunit. Langkah ini dapat memberi lebih banyak pilihan kepada rakyat untuk mencari rumah yang

53

bersesuaian dengan tahap kemampuan masing-masing dan tidak hanya bergantung kepada rumah yang disediakan oleh pemaju swasta.

Di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdapat 3 program RMM iaitu:-

- a) Program Perumahan Rakyat (PPR);
- b) Perumahan Transit Belia (MyTransit); dan
- c) Program Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M).

Manakala lain-lain Kementerian turut memperkenalkan program-program perumahan dalam usaha bagi meningkatkan penyediaan rumah mampu milik di pasaran antaranya melalui program:-

- a) Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA);
- b) Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M);
- c) RUMAWIP oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP);

- d) Program Perumahan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA);
- e) Program Perumahan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR);
- f) Program Perumahan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW);
- g) Program Perumahan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA);
- h) Program Perumahan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF);
- i) Program Perumahan oleh Kementerian Pertanian (MOA); dan
- j) Program Perumahan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

2) **SKIM DAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN**

Untuk makuman Ahli Yang Berhormat juga, antara mekanisme yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi membantu meningkatkan pemilik rumah mampu milik dalam negara adalah dengan memperkenalkan **skim dan kemudahan pembiayaan** seperti berikut :-

SKIM DAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN DI BAWAH KPKT

- a) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
- b) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
- c) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit); dan
- d) Skim Sewa untuk Dimiliki (*Rent to Own* (RTO)).

SKIM DAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN DI BAWAH KEMENTERIAN DAN AGENSI LAIN

- a) Skim Jaminan Kemudahan Kewangan (SJKP);
- b) Skim Rumah Pertamaku (SRP);
- c) Skim Perumahan Belia (SPB); dan
- d) Pinjaman Perumahan Penjawat Awam.

3) PLATFORM KHUSUS PERUMAHAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi cadangan Pasukan Petugas Khas, Kerajaan telah mempunyai beberapa platform yang khusus bagi membincangkan isu perumahan ini secara kolaborasi

antara Agensi-Agensi Kerajaan serta pemain-pemain industri sektor swasta seperti:

- a) **Majlis Perumahan Negara (MPN)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri;
- b) **Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Committee*) Mengenai Isu-isu Perumahan** yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri; dan
- c) **Mesyuarat-mesyuarat berkala** yang diadakan oleh KPKT dengan kolaborasi Agensi-Agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Justeru, Kerajaan **belum berhasrat untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang baharu** sebaliknya memfokuskan untuk menambahbaik dan memperkasakan platform-platform sedia ada bagi menangani isu-isu perumahan negara.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018